

Ubah sikap, sokong beli barangan buatan tempatan

MS 46

B/HARIAN 2/1/19

Belanjawan 2019 yang dibentangkan pada awal November lalu menyaksikan Kerajaan Pakatan Harapan (PH) yang diterajui Tun Dr Mahathir Mohamad sekali lagi mengetengahkan prinsip menyokong dan meningkatkan taraf barangan tempatan.

Dalam bajet bertemakan 'Malaysia wibawa, ekonomi dinamik, rakyat sejahtera' itu, kerajaan bersetuju memperuntukkan RM20 juta untuk pelancaran kempen Beli Barangan Malaysia, tanda komitmen serta kesungguhan untuk menggalakkan rakyat mengutamakan produk keluaran dalam negara.

Ia juga menandakan kesungguhan kerajaan untuk menggunakan sepenuhnya peranan rakyat dalam meningkatkan ekonomi dan imej negara melalui produk-produk dan perkhidmatan berjenama tempatan.

Keperluan untuk membuka mata rakyat bagi menggalakkan mereka menyokong barang tempatan dilihat dapat dipenuhi dengan mempergiatkan kempen Beli Barangan Malaysia.

Ubah sikap

Bagi penulis, memang sudah tiba masanya masyarakat mengubah sikap kerana dalam menghadapi cabaran globalisasi, kita perlu mengikis ego dan prejudis memandang rendah terhadap barang tempatan, sebaliknya menerima dan menghargai produk keluaran negara sendiri.

Usaha ini dilihat bertepatan dalam suasana ekonomi global yang tidak menentu dan diramal bertambah gawat dalam tempoh mendatang.

Dengan membeli barang tempatan, ia bukan saja dapat menyekat aliran ke luar wang negara, tetapi lebih penting menggalakkan pembangunan industri atau perusahaan tempatan yang seterusnya membuka peluang pekerjaan untuk rakyat.

Jimatkan perbelanjaan

Hal ini akan mengurangkan kadar pengangguran dan masalah sosial dalam kalangan masyarakat, seterusnya menikmati kehidupan yang lebih selesa.

Masyarakat juga sebenarnya dapat menjimatkan perbelanjaan dengan membeli barangan tempatan yang jauh lebih murah berbanding produk import, malah kualiti produk keluaran dalam negara juga kini sudah setanding dengan yang dibawa masuk dari luar.

Pada pandangan penulis, komitmen kerajaan terhadap usaha itu juga adalah untuk membendung tabiat mendewa-dewakan barang dari luar, kesinambungan daripada kempen sama yang dilancarkan pada 4 April 1984 oleh Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri ketika itu.

Kempen itu dilancarkan dengan pelbagai tujuan termasuklah menjana pertumbuhan ekonomi industri tempatan, tidak kira industri berat, sederhana mahupun kecil.